



Ruj. Kami : KPT.600-5/7/3 JLD 3 (47)  
Tarikh : 10 Jun 2024

### SEPERTI SENARAI EDARAN

Tuan/ Puan,

### **PELAWAAN KEPADA SYARIKAT PEMBEKAL YANG BERDAFTAR SECARA SAH DENGAN KEMENTERIAN KEWANGAN**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dengan kerjasama Majlis-majlis Sukan IPT akan menganjurkan Sukan Institusi Pendidikan Tinggi (SUKIPT) 2024 pada 6 hingga 14 September 2024 bertempat di Universiti Utara Malaysia (UUM), Sintok, Kedah. Kejohanan dwi-tahunan ini bakal melibatkan kira-kira 8,000 orang atlet, sukarelawan dan pegawai IPT dibawah naungan KPT. Bagi maksud tersebut, syarat-syarat bagi pelawaan pembekal pakaian kejohanan adalah seperti ketetapan berikut:

- Mengemukakan dan menyerahkan surat/ sijil Pendaftaran Syarikat, Pendaftaran Asal Kementerian Kewangan, Pusat Khidmat Kontraktor dan Pembekal.
- Kementerian berhak mempersetujui sebutharga sama ada kesemuanya atau sebahagian daripadanya.
- Mana-mana pembekal yang dilantik/ ditawarkan tender pembekalan perlu menaja sebanyak **850** helai T-shirt kolar dan **2,700** helai T-shirt kolar bulat bagi sukarelawan kejohanan.
- Kementerian tidak terikat untuk bersetuju dengan mana-mana sebutharga yang paling rendah.
- Syarikat yang menarik balik tawaran mereka sebelum sebutharga dipertimbangkan atau menolak tawaran setelah setuju terima oleh Kementerian akan di senarai hitam dan tidak akan dibenarkan mengambil bahagian dalam apa-apa tawaran pembekalan berkaitan Kementerian di masa akan datang.
- Syarikat yang gagal menjalankan kerja-kerja atau pembekalan yang telah ditetapkan setelah menerima pesanan atau kontrak pembekalan boleh dikenakan tindakan seperti berikut:
  - Pemotongan bayaran/ denda sebanyak RM 100 sehari atau 2% sebulan (yang mana lebih tinggi) sehingga 10% maksimum nilai harga yang terlewati dibekalkan/ kerja lewat disiapkan mulai daripada tarikh pesanan sepatutnya dibekalkan/ tarikh siap.


- Syarikat dibenarkan untuk membuat lebih daripada satu tawaran bagi setiap item dan harga yang ditawarkan hendaklah tetap. Sahlaku tawaran selama ENAM (6) BULAN dari tarikh sebutharga.
  - Pembayaran tidak akan dibuat selagi pembekalan tidak diselesaikan sepenuhnya.
  - Borang yang dihantar hendaklah lengkap dan mempunyai Cop Syarikat.
  - Kementerian berhak untuk membatal/ menunda/ menggantung tawaran di atas secara keseluruhan atau sebahagian tanpa sebarang notis.
3. Sehubungan dengan itu, syarikat tuan/ puan adalah di pelawa untuk menawarkan sebutharga bagi tempahan pakaian menurut syarat-syarat yang telah ditetapkan. Bersama-sama ini dilampirkan borang jawapan dan sebutharga untuk tindakan selanjutnya. Kerjasama yang diberikan amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' DR. PEKAN RAMLI)  
Timbalan Setiausaha Bahagian  
Seksyen Sukan  
Bahagian Perancangan Strategik  
b.p : Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan Tinggi

- Harga yang ditawarkan hendaklah serahan bersih termasuk semua cukai-cukai kerajaan, insuran, kos penghantaran ke tempat serahan, dan *commissioning*.
- Sila Hubungi Pn. Nur Aina A. Aziz (017-254 4838)/  
[ainaaziz@hotmail.com](mailto:ainaaziz@hotmail.com) untuk mendapatkan keterangan lanjut.

### **Jawatankuasa Perolehan SUKIPT 2024**

Seksyen Sukan  
Bahagian Perancangan Strategik  
Kementerian Pendidikan Tinggi  
Aras 2, No. 2, Menara 2  
Jalan P5/6, Presint 5  
**62200 PUTRAJAYA**

**TERBUKA KEPADA SEMUA PEMBEKAL YANG MASIH SAH  
PENDAFTARANNYA DENGAN KEMENTERIAN KEWANGAN (KK),  
KATEGORI PENDAFTARAN : KK 07010**

Setelah meneliti dan memahami speksifikasi, syarat-syarat sebutharga, kami/saya yang menurunkan tandatangan seperti di bawah ini bersetuju melaksanakan kerja-kerja di atas dengan harga RM\_\_\_\_\_ seperti yang dinyatakan di dalam borang/ sebutharga dalam tempoh **2 bulan** dan bersetuju dikenakan denda lewat sebanyak RM100 sehari atau 2% sebulan (yang mana lebih tinggi) sehingga 10% maksimum nilai harga yang terlewat dibekalkan/ kerja lewat disiapkan mulai daripada tarikh pesanan sepatutnya dibekalkan/ tarikh siap.

Tarikh : ..... Nama : .....

No. Tel. : ..... No. Fax : .....

---

**Tandatangan dan Cop Syarikat**

**LAMPIRAN A**

**BORANG TAWARAN/ SEBUT HARGA**  
**PEMBEKAL PAKAIAN BAGI PEGAWAI, URUSETIA DAN SUKARELAWAN**  
**SUKAN INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI (SUKIPT) 2024**

BIL.	PAKAIAN (ITEM/ SET)	SPESIFIKASI			CUSTOM			TAWARAN HARGA	
		JENAMA	MATERIAL	KUANTITI	FULL SUB	HALF SUB	ZERO SUB	HARGA / UNIT	JUMLAH
<b>VIP</b>									
1.	<i>Kolar T-Shirt</i> - 1 helai		<i>Jacquet Weave</i>	300	✓				
<b>PEGAWAI DAN URUSETIA</b>									
2.	<i>Kolar T-Shirt</i> - 1 helai		<i>Jacquet Weave</i>	1,500	✓				
	<i>Roundneck T-Shirt</i> - 2 helai (2 design yang berbeza)			3,000		✓	✓		
<b>SUKARELAWAN</b>									
3.	<i>Kolar T-Shirt</i> - 1 helai		<i>Jacquet Weave</i>	850		✓		PERCUMA	
	<i>Roundneck T-Shirt</i> - 2 helai (2 design yang berbeza)			1,700 (1 design = 850 helai)			✓		
4.	<i>Roundneck T-Shirt</i> - 1 helai			1000			✓		